



**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERHORMAT TUAN ADLY BIN ZAHARI**  
**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYEMPURNAAN BOT PERONDA TENTERA**  
**LAUT NIGERIA, 38M SEA EAGLE**

**SELASA, 13 OGOS 2024**  
**NORTHERN SHIPYARD, LANGKAWI**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## **Salam Sejahtera dan Salam Madani**

1. Yang Berusaha Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, Pegawai Daerah  
Langkawi
2. Yang Dihormati Pengarah Urusan KN Aluminium & Engineering Sdn Bhd,
3. Yang Dihormati Pengarah Urusan Northern Shipyard Sdn Bhd
4. Laksamana Madya Dato' Ts. Shamsuddin Bin Hj Ludin, Panglima Armada  
Barat
5. Laksamana Pertama Dato' Roslee bin Mohamad Isa, Panglima Wilayah  
Laut 3

Dif-dif kehormat, serta hadirin yang diraikan.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi, Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul di majlis yang penuh bermakna ini, iaitu **Majlis Penyempurnaan Bot Peronda Tentera Laut Nigeria, 38M Sea Eagle**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis yang penuh bersejarah iaitu penyempurnaan bot peronda 38m Sea Eagle, yang telah dibangunkan oleh syarikat tempatan kita, **KN Aluminium & Engineering Sdn Bhd**.
3. Kita berkumpul pada hari ini adalah untuk meraikan kejayaan industri tempatan dalam pembinaan bot peronda, satu lagi pencapaian cemerlang dalam industri perkapalan negara yang wajar dibanggakan.

### **KEUPAYAAN INDUSTRI TEMPATAN**

4. Kejayaan ini membuktikan keupayaan industri tempatan Malaysia yang mampu menghasilkan aset berteknologi tinggi setaraf dengan negara maju. Tidak dinafikan bahawa Malaysia juga mampu untuk bersaing di peringkat antarabangsa dalam industri ini.
5. Kerjasama erat antara pihak Tentera Laut Nigeria, KN Aluminium & Engineering Sdn Bhd. serta Northern Shipyard Sdn. Bhd telah membuahkan hasil yang cukup membanggakan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam projek ini.
6. Ia adalah manifestasi usaha gigih, komitmen dan dedikasi semua pihak yang terlibat, bermula dari peringkat reka bentuk hingga ke pembinaan dan ujian.

7. Pembinaan bot peronda ini bukan sahaja mempamerkan keupayaan industri tempatan untuk menghasilkan aset berkualiti tinggi, tetapi ia juga membuktikan kebolehan, kemahiran, dan kepakaran rakyat tempatan dalam sektor pembuatan kapal.
8. Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia adalah sebuah negara maritim. Justeru, memperkasakan industri maritim adalah penting kerana ia adalah pemangkin kepada keupayaan ATM untuk memelihara ekonomi maritim, keamanan, keselamatan serta kedaulatan perairan negara.

Hadirin yang dihormati,

### **BOT PERONDA 38M SEA EAGLE**

9. Bot peronda 38m Sea Eagle ini direka dengan keupayaan dan ciri-ciri yang canggih, sesuai dengan kehendak dan keperluan operasi Tentera Laut Nigeria.
10. Bot ini akan memainkan peranan penting bukan sahaja dalam meningkatkan keselamatan perairan Nigeria, tetapi dalam usaha membanteras kegiatan jenayah di laut, seperti penyeludupan, lanun dan pencerobohan.
11. Saya yakin bahawa aset ini akan memberi sumbangan yang besar dalam menjalankan tugas-tugas pengawasan dan keselamatan perairan negara tersebut.
12. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tentera Laut Nigeria atas kepercayaan yang diberikan kepada Malaysia, khususnya kepada KN Aluminium & Engineering Sdn Bhd, dalam menghasilkan aset strategik ini.

13. Disamping itu, saya juga dimaklumkan mengenai projek Manta, iaitu sebuah lagi bot Tentera Laut Nigeria yang masih dalam pembinaan. Projek ini bukan sahaja menunjukkan kebolehan kita dalam industri pembinaan kapal, tetapi juga membuktikan kepercayaan negara luar keatas kemampuan dan keupayaan industri tempatan.
14. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menegaskan komitmen kerajaan Madani dalam menyokong pembangunan industri tempatan agar dapat bersaing di peringkat global. Komitmen ini adalah selaras dengan aspirasi Kertas Putih Pertahanan untuk memperkenalkan pendekatan baharu untuk memacu bidang sains, teknologi dan industri pertahanan melalui pembangunan Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN).
15. Kerjasama dengan negara-negara rakan seperti Nigeria, juga merupakan langkah yang penting dalam memperkukuhkan hubungan bilateral serta membuka peluang-peluang baru dalam bidang industri pertahanan khususnya pembuatan kapal tempatan.
16. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada KN Aluminium & Engineering Sdn Bhd dan Northern Shipyard Sdn Bhd atas kejayaan ini. Saya berharap agar kerjasama ini akan terus berkembang pada masa hadapan dan membawa lebih banyak kejayaan kepada negara.
17. Dengan lafaz **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PENYEMPURNAAN BOT PERONDA TENTERA LAUT NIGERIA, 38M SEA EAGLE.**
18. Semoga aset ini akan menjadi simbol keteguhan dan keselamatan di perairan Nigeria. Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.